

# Sambutan Merdeka: Pembangking dijemput

um- 5/4/2007

KUALA LUMPUR 4 April - Para pemimpin parti pembangkang akan turut dijemput menghadiri program Ambang Kemerdekaan yang akan berlangsung pada malam 30 Ogos ini di Stadium Merdeka di sini.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, walaupun pemimpin terbabit tidak terlibat dalam program itu tetapi mereka akan duduk sebaris dengan pemimpin lain pada majlis tersebut.

"Pemimpin pembangkang juga akan dijemput dan kita berikan tempat yang baik kepada mereka.

"Kalau ketua pembangkang pula, mereka juga tetamu kehormat dan diberikan tempat terbaik pada majlis itu nanti," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Rais memberitahu, selain itu, Raja-Raja Melayu, ketua-ketua negara yang menjalin hubungan diplomatik dengan Malaysia serta wakil-wakil kerajaan dari negara ASEAN akan dijemput menghadiri program itu.

Beliau berkata, antara program yang dirancang oleh kementerian pada malam itu ialah mewujudkan suasana perjuangan supaya rakyat dapat turut terlibat menjayakan malam itu nanti.

Katanya, turut diadakan ialah adegan lakonan semula pengisytiharan kemerdekaan dan pancaran hologram yang akan menjadikan sambutan ulang tahun kemerdekaan negara itu unik.

Rais berkata, beliau telah memaklumkan kepada Pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB), Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid supaya menyiapkan stadium berkenaan sebelum akhir Julai ini.

Katanya, sambutan yang akan diadakan nanti akan mempamerkan ciri-ciri pembinaan modal insan negara menerusi lima Perdana Negara termasuk Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.